

SISTEM PANGKALAN DATA MULTIMEDIA UNTUK
SISTEM REPOSITORI MARIN KUSTEM

ROSLY BIN HUSSIN

JABATAN SAINS KOMPUTER
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2002/2003

**SISTEM PANGKALAN DATA MULTIMEDIA
UNTUK SISTEM REPOSITORI MARIN KUSTEM**

ROSLY BIN HUSSIN


PERPUSTAKAAN TANAH NUR ZAHIRAH

**Tesis Ini Dikemukakan Bagi
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Untuk
Memperolehi Sarjana Muda Teknologi Maklumat
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)**

1100043412

PENGAKUAN

Dengan ini saya mengakui bahawa segala karya ini adalah kerja saya sendiri kecuali Nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



ROSLY BIN HUSSIN
22 MAC 2003

Disahkan oleh :



Prof. Madya Dr. Mustafa Mat Deris
Ketua
Jabatan Sains Komputer
Fakulti Sains Dan Teknologi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

Prof. Madya Dr. Md. Yazid Mohd. Saman
Pensyarah
Jabatan Sains Komputer
Fakulti Sains Dan Teknologi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui akan seluruh alam. Alhamdulillah kerana dengan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan proposal untuk projek tahun akhir saya yang bertajuk Rekabentuk Sistem Pangkalan Data Multimedia Untuk Sistem Repositori ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Md Yazid bin Mohd Saman selaku penyelia saya. Walaupun beliau sentiasa sibuk dengan tugas harian beliau, namun beliau sanggup memberi panduan dan tunjuk ajar sepenuhnya untuk menghasilkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Unit Marin Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang telah banyak membantu untuk pengumpulan maklumat dan bahan-bahan kertas cadangan projek ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kedua orang tua dan keluarga saya dan insan yang tercinta yang telah banyak memberikan dorongan dan semangat kepada saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sama-sama membantu sepanjang kita bersama dan tidak dilupakan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya tuhan sahaja yang dapat membalas segala jasa baik kalian.

MULTIMEDIA DATABASES SYSTEM FOR MARINE REPOSITORY SYSTEM

ABSTRACT

Marine Repository System is a Multimedia Database System that is used to store data and information concerning marine resources such as fishes, turtles, corals and mangroves. This system was designed to assure the safety and validity of data. Before, data were inserted manually using lots of papers and writings into record books. Updating record makes a very difficult task. Data and information may also be lost or changed during the task making it not a very reliable method. Furthermore, it was difficult to access the needed data. In the Multimedia Database System, user may not only see written data, but also see pictures, audios and videos that related to the data you are examining. The ability of the system to save, add record, checking and searching record making the system very reliable. Not to forget, the creative and efficient design of this system gives user a friendly and easy environment, making the manipulation of data and enjoying one.

ABSTRAK

Sistem Repositori Marin merupakan suatu Sistem Pangkalan Data Multimedia yang digunakan untuk menyimpan data-data atau maklumat-maklumat mengenai sumber-sumber marin seperti spesis-spesis ikan di lautan, penyu, batu karang dan juga tumbuhan paya laut. Sistem yang dibuat ini adalah untuk memastikan maklumat dan data yang disimpan menjadi lebih selamat dan terjamin. Ini kerana, sebelum ini, kaedah yang digunakan adalah secara manual, yang menggunakan kaedah penyimpanan data secara bertulis di dalam buku rekod. Kaedah ini memerlukan penggunaan kertas yang banyak, selain untuk pengemaskinian akan membuatkan menimbulkan kesulitan. Kemungkinan maklumat-maklumat yang disimpan juga hilang dan rosak. Selain itu maklumat mengenai sumber marin adalah disimpan di dalam fail dan ini akan menyukarkan capaian maklumat yang dilakukan dengan pantas. Di samping itu, di dalam sistem pangkalan data multimedia ini, pengguna bukan sahaja dapat melihat maklumat-maklumat dan data-data asas, bahkan penggunaan data secara bergambar, audio dan klip video juga boleh diperolehi. Keupayaan sistem untuk melakukan proses-proses seperti penyimpanan, penambahan rekod, penyemakan, serta pencarian pada maklumat-maklumat yang ada juga dapat dilakukan. Rekabentuk yang efisien dibuat juga dapat memberi kemudahan untuk melihat segala bentuk laporan terhadap maklumat pada sumber marin ini.